



Disediakan oleh:

NOR ALKASHAH ARIF SHAH

Ketua Penolong Pengarah, BPTMS

NEWSLETTER

SITUASI PEKERJA BUKAN WARGANEGARA DI MALAYSIA

Pengenalan

Peningkatan pekerja bukan warganegara dapat dilihat tidak hanya di negara maju tetapi juga di negara-negara membangun. Walaupun peningkatan pekerja bukan warganegara menjadi kebimbangan umum di Malaysia, kewujudan mereka telah menunjukkan kesan produktiviti yang positif terhadap ekonomi (J.J. Jordaan. (2018)). Pandangan negatif yang sangat ketara terhadap pekerja asing dalam negara, Jordaan (2018), Nur'ain Achim et al. (2017) dan Ramesh Kumar Moona Haji Mohamed et al. (2012) menekankan tumpuan kajian terhadap golongan ini dalam beberapa industri tertentu.

Objektif


Rencana ini adalah memaparkan taburan pekerja bukan warganegara kepada penduduk bekerja di Malaysia, statistik pekerja bukan warganegara mengikut tahap kemahiran, taraf pekerjaan, sektor utama, subsektor perkhidmatan dan kewarganegaraan. Statistik yang dipaparkan adalah berdasarkan Survei Tenaga Buruh Tahunan.

Pekerja Bukan Warganegara

Istilah ‘Pekerja Bukan Warganegara’ harus difahami sebagai seseorang yang meninggalkan kediaman biasanya untuk bekerja di negara lain, sebagai seorang pekerja atau majikan di negara itu.

Taburan Pekerja Bukan Warganegara di Malaysia

Carta 1: Pekerja bukan warganegara dan pekerja warganegara, 2018



Pada 2018, terdapat 14,776 juta penduduk bekerja di Malaysia. Daripada jumlah ini, 85.2 peratus adalah pekerja warganegara dan **14.8 peratus adalah pekerja bukan warganegara**. Dalam tempoh 2010 hingga 2018, pekerja bukan warganegara di Malaysia meningkat 3.3 peratus secara tahunan kepada 2.18 juta orang (2018) berbanding 1.68 juta orang (2010).

Pada 2018, pekerja bukan warganegara menyusut 2.7 peratus kepada 2.18 juta orang pada 2018 berbanding 2.24 juta orang pada 2017. Manakala, pekerja warganegara meningkat 2.9 peratus kepada 12.59 juta orang pada 2018 berbanding 12.23 juta orang pada 2017.

Jadual 1: Bilangan penduduk Malaysia, penduduk bekerja, pekerja warganegara dan pekerja bukan warganegara, 2010-2018

(‘000)

Bilangan	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Penduduk Malaysia ^a	28,588.6	29,062.0	29,510.0	30,213.7	30,708.5	31,186.1	31,633.5	32,022.6	32,382.3
Penduduk Bekerja ^b	11,899.5	12,351.5	12,820.5	13,545.4	13,852.6	14,067.7	14,163.7	14,476.8	14,776.0
Pekerja Warganegara ^b	10,216.2	10,595.8	10,994.5	11,425.2	11,741.7	11,940.6	11,958.4	12,232.8	12,592.5
Pekerja Bukan Warganegara ^b	1,683.2	1,755.6	1,826.0	2,120.2	2,110.9	2,127.1	2,205.3	2,244.0	2,183.4

Nota: ^a Anggaran penduduk semasa, Malaysia


^b Survei Tenaga Buruh Tahunan

Hasil tambah mungkin berbeza kerbeza kerana pembundaran.

1

Taburan Pekerja Bukan Warganegara Mengikut Tahap Kemahiran

Carta 2: Pekerja bukan warganegara mengikut tahap kemahiran, 2010-2018




Statistik menunjukkan peratus tertinggi pekerja bukan warganegara di Malaysia ialah kategori separuh mahir iaitu antara 48.6 peratus hingga 67.2 peratus dalam tempoh 2010 hingga 2018. Pada 2018, kategori ini mencatatkan 56.4 peratus, diikuti pekerja berkemahiran rendah 38.1 peratus dan pekerja mahir 5.6 peratus.

Pekerja bukan warganegara bagi kategori mahir dan separuh mahir masing-masing meningkat 0.9 dan 3.5 mata peratus pada 2018 berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pekerja bukan warganegara berkemahiran rendah menurun 4.2 mata peratus kepada 38.1 peratus berbanding 42.3 peratus pada 2017.

Taburan Pekerja Bukan Warganegara Mengikut Taraf Pekerjaan

Carta 3: Pekerja bukan warganegara mengikut taraf pekerjaan, 2010-2018




Dalam tempoh 2010 hingga 2018, kategori pekerja mencatatkan peratusan tertinggi iaitu menyumbang antara 84.0 peratus hingga 89.2 peratus diikuti kategori bekerja sendiri antara 7.6 peratus hingga 12.3 peratus.

Pada 2018, pekerja bukan warganegara bagi kategori bekerja sendiri meningkat 2.2 mata peratus kepada 12.3 peratus berbanding 10.1 peratus pada tahun sebelumnya. Sebaliknya, kategori pekerja menyusut 2.6 mata peratus iaitu daripada 86.6 peratus (2017) kepada 84.0 peratus (2018).

Taburan Pekerja Bukan Warganegara Mengikut Sektor

Carta 4: Pekerja bukan warganegara mengikut sektor, 2010-2018




Bagi tempoh 2010 hingga 2018, majoriti pekerja bukan warganegara bekerja di tiga sektor utama di Malaysia iaitu sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan. Pada 2018, pekerja bukan warganegara dalam sektor perkhidmatan adalah 862.3 ribu orang, diikuti sektor pembuatan (543.5 ribu orang) dan sektor pertanian (492.4 ribu orang).

Pekerja bukan warganegara dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan masing-masing meningkat 7.1 dan 5.2 peratus pada 2018. Namun, pada tempoh yang sama, pekerja bukan warganegara bagi tiga sektor yang lain mencatatkan penurunan iaitu sektor perlombongan & pengkuarian (59.5%), pertanian (19.6%) dan pembinaan (5.7%).

Taburan Pekerja Bukan Warganegara Mengikut Subsektor Perkhidmatan

Carta 5: Pekerja bukan warganegara mengikut subsektor perkhidmatan (kedudukan 3 teratas), 2010-2018




Statistik menunjukkan majoriti pekerja bukan warganegara bekerja dalam tiga subsektor utama perkhidmatan iaitu aktiviti Perdagangan borong dan runcit; pemberian kenderaan bermotor dan motosikal, Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman dan Aktiviti isi rumah sebagai majikan bagi tempoh 2010 hingga 2018.

Pekerja bukan warganegara dalam subsektor Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman meningkat 14.7 peratus kepada 265.2 ribu orang pada 2018 berbanding 231.2 ribu orang pada 2017. Manakala, pekerja bukan warganegara bagi subsektor Perdagangan borong dan runcit; pemberian kenderaan bermotor dan motosikal turut meningkat 3.9 peratus (2018: 252.9 ribu orang; 2017: 243.5 ribu orang). Namun, pekerja bukan warganegara dalam Aktiviti isi rumah sebagai majikan menyusut 3.9 peratus kepada 90.0 ribu orang pada 2018 berbanding 93.7 ribu orang pada 2017.

Taburan Pekerja Bukan Warganegara Mengikut Kewarganegaraan

Carta 6: Negara asal pekerja bukan warganegara aktif (kedudukan 6 teratas)



Statistik menunjukkan Indonesia menyumbang peratusan tertinggi bilangan pekerja bukan warganegara di Malaysia diikuti Bangladesh dan Nepal. Dari segi jantina, pekerja lelaki melebihi perempuan dalam keenam-enam negara ini.

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (sehingga 30 Jun 2019)

Perbincangan dan Kesimpulan

- Kajian menunjukkan permintaan terhadap pekerja bukan warganegara ke negara ini masih berterusan bagi memenuhi keperluan beberapa sektor utama di Malaysia. Situasi ini menyebabkan rakyat memberikan persepsi terhadap isu-isu pekerja bukan warganegara. Salah satu kerisauan yang dialami adalah kehilangan pekerjaan oleh pekerja tempatan.
- Rencana ini memberi gambaran umum pekerja bukan warganegara mengikut tahap kemahiran, taraf pekerjaan, sektor utama dan subsektor perkhidmatan serta kewarganegaraan. Berdasarkan data yang dikumpul pada tahun 2010 hingga 2018, komposisi pekerja bukan warganegara majoriti berada dalam kategori pekerja dan bekerja sendiri dan terdiri daripada mereka yang berkemahiran separuh mahir dan rendah. Pekerja bukan warganegara ini turut mendominasi sektor pertanian, pembuatan dan dua subsektor perkhidmatan iaitu aktiviti Perdagangan borong dan runcit; pemberian kenderaan bermotor dan motosikal dan aktiviti Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman.
- Analisis lanjut boleh dilakukan dengan mengkaji taburan data pekerja bukan warganegara dalam industri yang lebih meluas iaitu hingga ke peringkat terperinci subsektor perkhidmatan, taburan pekerja bukan warganegara mengikut negeri, statistik pendapatan dan pencapaian pendidikan. Selain itu, liputan pekerja bukan warganegara perlu diperluaskan dengan memaksimalkan penggunaan data pentadbiran dan data raya seperti data ekspatriat dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.